

PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG TEMPAHAN PENERBANGAN DAN PENGINAPAN (SELAIN VOT DI BAWAH PEJABAT/KAWALAN NAIB CANSELOR UniMAP) (Oleh : Bendahari - SAODAH HASSAN)

From : POSTMASTER UniMAP <post@unimap.edu.my> Fri, Mar 21, 2014 09:29 AM
Subject : PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG TEMPAHAN PENERBANGAN DAN PENGINAPAN (SELAIN VOT DI BAWAH PEJABAT/KAWALAN NAIB CANSELOR UniMAP) (Oleh : Bendahari - SAODAH HASSAN) 2 attachments
To : allstaff <allstaff@unimap.edu.my>

No. Rujukan : UniMAP/ICT/Post: 03/14 (384)
Tarikh : 21 Mac 2014

Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia,

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Ir./Tuan/Puan/En./Cik,

Kepada semua Staf UniMAP

MAKLUMAN PENGUATKUASAAN PENGGUNAAN BORANG PERMOHONAN PENGELUARAN PESANAN BELIAN (PO/LO/WARAN) BAGI PENERBANGAN DAN PENGINAPAN (SELAIN VOT YANG DIKENDALIKAN OLEH PEJABAT/KAWALAN NAIB CANSELOR) MULAI 1 APRIL 2014

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Bendahari sedang dalam rangka penambahbaikan perkhidmatan jabatan ini untuk memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan sedia ada. Bagi tujuan menyelaraskan semula garis panduan agar masalah ketidaklengkapan maklumat dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh Pusat-Pusat Tanggungjawab dalam urusan Permohonan Pengeluaran Pesanan Belian/Tempahan (PO/LO/Waran) penerbangan dan penginapan dapat diatasi dan diperkemas lagi pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan terhadap borang-borang telah dibuat seperti berikut:-

2.1 BORANG PERMOHONAN PENGELUARAN PO/LO/WARAN PENERBANGAN

2.2 BORANG PERMOHONAN TEMPAHAN PENGINAPAN.

3. Borang-borang yang dilampirkan akan **dikuatkuasakan penggunaannya mulai 1 April 2014.**

4. Semua Pusat Tanggungjawab seperti Pusat-Pusat Pengajian, Unit-Unit dan Jabatan-Jabatan termasuk para penyelidik yang menggunakan Peruntukan Projek Penyelidikan (di bawah kawalselia Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi), Peruntukan Tabung Konsultansi (di bawah kawalselia Pusat Kerjasama Industri), Tabung-tabung Amanah/Khas (HEPA dan Sebagainya) serta mana-mana peruntukan yang **TIDAK diuruskan oleh Pejabat/Kawalan Naib Canselor UniMAP**, adalah dipohon untuk **menggunapakai BORANG-BORANG yang dilampirkan serta mematuhi semua garis panduan yang dinyatakan dalam borang-borang berkenaan termasuk bahagian NOTA PENTING yang dipaparkan.**

5. Kerjasama dan keprihatinan Y.Bhg Datuk/ Dato'/ Prof/ Prof.Madya/ Dr/ Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Berminda Usahawan, Berjiwa Ilmuan'

Saya yang menurut perintah,

(SAODAH HASSAN)

Bendahari UniMAP

POSTMASTER UniMAP

Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Universiti Malaysia Perlis

Tel : 04-9798494 / 8109

Faks : 04-9798227

Email : post@unimap.edu.my

BORANG TEMPAHAN PENERBANGAN pindaan Thn 2014 (klsn Bendahari UniMAP).pdf
119 KB

BORANG TEMPAHAN PENGINAPAN pindaan Thn 2014 (klsn Bendahari UniMAP).pdf
161 KB